



2 Oktober 2017  
2 October 2017  
P.U. (A) 295

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PENANDAAN KACA KESELAMATAN BAGI KENDERAAN MOTOR) 2017

### *TRADE DESCRIPTIONS (MARKING OF SAFETY GLASS FOR MOTOR VEHICLES) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN  
(PENANDAAN KACA KESELAMATAN BAGI KENDERaan MOTOR) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 29(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Kaca Keselamatan bagi Kenderaan Motor) 2017.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2018.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“kaca keselamatan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Standard Malaysia MS 595 – Spesifikasi bagi Kaca Keselamatan Kenderaan Motor: Bahagian 1: Kehendak Umum;

“kenderaan motor” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*].

**Ketidakpakaian**

3. Perintah ini tidak terpakai bagi—

(a) kaca keselamatan bagi kenderaan motor yang digunakan bagi sampel pengujian; dan

(b) kaca keselamatan bagi kenderaan motor yang dikilangkan atau diimport sebelum 1 Mei 2018.

**Penandaan kaca keselamatan bagi kenderaan motor**

4. Kaca keselamatan bagi kenderaan motor yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan bagi kategori kenderaan motor yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah—

(a) mematuhi—

- (i) Standard Malaysia MS 595 atau peraturan 43 Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Eropah; dan
- (ii) kehendak spesifikasi di bawah kaedah 22 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [L.N. 170/1959]; dan

(b) mempunyai tanda yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua mengikut standard yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

**JADUAL PERTAMA**  
**KATEGORI KENDERAAN MOTOR**

(1) <i>Kategori Kenderaan Motor</i>	(2) <i>Perihalan</i>
M1	Kenderaan motor penumpang persendirian dengan lapan tempat duduk atau kurang termasuk tempat duduk pemandu
M2	Kenderaan motor penumpang persendirian dengan lebih daripada lapan tempat duduk termasuk tempat duduk pemandu